

NAMA:

KELAS:

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

BAHAN 1

Pelbagai ragam pelajar sama ada yang positif atau negatif sebelum menjelangnya peperiksaan awam termasuklah tekanan perasaan atau stres yang rata-ratanya dihadapi oleh pelajar. Tekanan ialah perkara yang berkaitan dengan ketegangan yang dialami oleh mental atau emosi seseorang disebabkan oleh pelbagai faktor. Pelajar atau remaja perlu mempunyai kemahiran untuk mengatasi masalah tekanan perasaan supaya fokus mereka untuk menghadapi peperiksaan tidak terjejas. Pelajar biasanya mendapat tekanan daripada ibu bapa, guru atau rakan untuk meraih kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan. Dalam konteks ini, pelajar seharusnya berasa tenang dan sentiasa fokus tentang peperiksaan yang akan dihadapi. Ketenangan yang diperlukan tidak akan datang dengan tiba-tiba atau secara terpaksa tetapi akan terzahir apabila pelajar bersedia dengan sebaik-baiknya.

Pelajar perlu memahami Falsafah Pendidikan Negara yang mahu melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosial. Oleh itu, mereka seharusnya belajar dalam persekitaran yang menyeronokkan agar emosi mereka berkembang secara natural dan memenuhi keperluan mereka sebagai remaja. Pelajar juga perlu menjauhkan diri daripada perkara yang merosakkan emosi dan ketenangan. Perkara sampingan yang mampu menjejaskan kestabilan emosi seperti hubungan peribadi dengan rakan-rakan kerana dikhuatiri mampu menjejaskan tumpuan mereka terhadap peperiksaan.

Sekiranya pelajar menghadapi masalah kritikal yang mampu menjejaskan ketenangan, mereka perlu segera berjumpa dengan guru yang rapat atau kaunselor di sekolah. Guru atau kaunselor pasti mempunyai kaedah bagi mengatasi masalah ini. Di samping itu, pelajar perlu menjaga kesihatan diri kerana tanpa kesihatan yang baik sukar bagi pelajar untuk mengulang kaji pelajaran.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Dewan Siswa, September, 2015)

BAHAN 2



JAWAPAN LENGKAP



SOALAN NOVEL

PRAKTIS 4

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

“ Cik Eda, ada berapa orang bernama ‘Zahid’ yang Cik Eda kenal di dunia ini?”

“ Waheeda kelihatan tersentak mendengar soalan Lais. Dia terkesima. Pandangannya menjamah wajah pekerja paling setianya yang sama-sama membangunkan Chalet Aya – Sajinah. Ditenungnya wajah Lais dengan agak lama. Pandangan Waheeda terlontar lebih jauh ke dalam retinanya. Namun, Lais tidak pula merasai fokusnya. Lais berasa pelik. Dia mengerutkan dahi. Fail yang baru sahaja hendak diambil Waheeda tiba-tiba melorot semula ke atas meja. Waheeda terhenyak ke atas kerusinya. Lais terkedang melihat reaksi ketuanya.

“ Maaf Cik Eda. Cik Eda tak apa-apakah?” Tanya Lais. Nadanya berbaur khuatir.

Apakah reaksi Waheeda apabila Lais bertanyakan soalan tentang ‘Zahid’? (4 markah)

ii. Jawab soal di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

a. *Leftenan Adnan Wira Bangsa*, karya Abdul Latip Talib

b. *Tirani*, karya Beb Sabariah

Berdasarkan **sebuah novel** yang anda pelajari, jelaskan peristiwa yang mempunyai unsur saspens kepada pembaca dalam novel tersebut. (6 markah)